

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

8. Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi membantu OKU dalam usaha memberi peluang kepada mereka mendapat pekerjaan
 - (a) Membuka pusat latihan untuk OKU.
 - (b) Insentif tempat mengadakan quota pengambilan mereka ini dalam syarikat tertentu (restoran makanan segera) yang ada dalam negeri ini..

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri sememangnya menggalakkan penglibatan golongan orang kurang upaya (OKU) dalam masyarakat melalui visi Penang 2030. Dalam pelan tindakan yang dilancarkan pada Ogos 2018 tersebut, matlamat ini telah digariskan di bawah tema *Empower People to Strenghten Public Participation – Uplift Vulnerable Communities and Reduce Inequalities* yang turut merangkumi golongan OKU. Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memberi peluang kepada golongan OKU mendapat pekerjaan adalah seperti berikut:-
 - (i) Menggalakkan semua jabatan dan agensi pentadbiran negeri untuk mengambil golongan OKU sebagai anggota perkhidmatan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16/2010 Pencapaian Dasar Satu Peratus Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya;

- (ii) Menjalankan program “*Job Coach*” dan “*Disability Equality Training*” iaitu program kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan agensi-agensi lain seperti Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Kesihatan Negeri, dan majikan-majikan lain untuk memadankan keperluan pihak majikan dan golongan OKU yang mencari kerja;
 - (iii) Pengajuran Karnival Kerjaya OKU sebagai salah satu platform hebahan mengenai perkhidmatan dan peluang pekerjaan yang ditawarkan bakal majikan yang turut serta dalam karnival tersebut; dan
 - (iv) Bekerjasama dengan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang dalam membantu mana-mana OKU dan majikan yang memerlukan perkhidmatan jurubahasa bagi OKU pekak bisu.
-
- (a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membuka pusat latihan OKU memandangkan terdapat kerjasama antara JKM dan badan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan program pembangunan kepada golongan ini. Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti contohnya, merupakan antara NGO yang memainkan peranan aktif dalam menyediakan latihan dan program pembangunan kepada golongan OKU.
 - (b) Kerajaan Negeri tidak menyediakan sebarang insentif kepada mana-mana organisasi atau syarikat tertentu sebagai galakan untuk mengambil golongan OKU bekerja. Namun, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan pihak swasta dan NGO untuk memberi peluang pekerjaan yang luas kepada golongan OKU sesuai dengan kekurangan yang dihadapi mereka.